

Kemahiran dan Faedah

Penulisan Esai

Menulis sesuatu teks termasuklah esei sebagai suatu bentuk ekspresi diri mempunyai kesan terapi yang tertentu. Pernyataan yang dihasilkan dengan cara berfikir ketika menulis mampu membantu pelajar memperbaiki perasaan, meningkatkan kesejahteraan hidup dan memperkukuh daya tahan terhadap tekanan. Dalam hal ini, penulisan esei perlu dilakukan secara sistematik.

Penulisan merupakan kemahiran kerja yang penting. Seseorang akan dinilai melalui penulisan di sekolah, kolej, universiti, tempat kerja dan komuniti. Seiring dengan itu, pemikiran, pembelajaran dan kerja seseorang akan dinilai prestasinya melalui asas utamanya, iaitu penulisan. Sebagai contoh, dalam proses pelantikan pekerja di sesebuah organisasi, terdapat majikan yang menetapkan kaedah saringan seperti peperiksaan penulisan esei di samping temu duga. Dalam hal ini, penulisan yang baik bukan sahaja mencerminkan keperibadian individu, tetapi juga menunjukkan tahap pemikiran yang kritis serta kemampuan menganalisis dan menyampaikan idea dengan jelas dan berkesan.

Selain itu, penulisan melengkapkan diri pelajar dengan kemahiran komunikatif dan menajamkan pemikiran supaya menjadi lebih jelas dan berguna. Perlu diingatkan bahawa pelajar bukan hanya berkomunikasi dengan orang lain secara lisan, tetapi juga melalui penulisan. Penulisan menjadikan pembelajaran dan pemikiran pelajar semakin jelas dan berkekalan.

Bagi membaiki dan menajamkan cara penulisan, terdapat beberapa kemahiran yang perlu dipraktikkan oleh pelajar seperti yang berikut:

A
Melakukan kajian terlebih dahulu.

B
Membanyakkan pembacaan.

C
Memperbaiki tatabahasa.

D
Mengorganisasikan ayat dalam perenggan.

E
Melaksanakan sumbang saran dan berfikiran secara kritikal.

F
Membaca setiap pernyataan dalam kandungan yang ditulis.

G
Menulis secara kreatif.

Jadual 1 Kemahiran yang perlu dipraktikkan oleh pelajar dalam penulisan esei.

Pelaksanaan kajian berkenaan dengan kandungan esei sebelum menulis mampu merangsang minda seseorang pelajar untuk mengembangkan idea yang bernas dan menyampaikan maklumat dengan cara yang teratur.

Pelajar perlu membaca seberapa banyak bahan bacaan termasuklah buku, novel, majalah, jurnal dan surat khabar. Contohnya, surat khabar memuatkan pelbagai jenis berita tempatan dan antarabangsa yang berkaitan dengan isu semasa yang boleh menjadi bahan yang berguna dalam penulisan esei.

Pembacaan esei atau artikel boleh memberikan galakan kepada pelajar untuk memperbaiki karya yang dihasilkan oleh mereka. Pelajar perlu meneliti susunan ayat yang ditulis oleh pengarang lain dan mempelajari cara mereka mengadunkan dan mencernakan perkataan supaya menjadi cerita yang menarik dan memikat pembaca. Cara ini secara tidak langsung dapat memperbaiki penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar. Cara pelajar dapat memperbaiki tatabahasa mereka adalah dengan mendapatkan pandangan guru, membaca secara aktif dan menandakan ayat atau frasa yang menarik dan memerhatikan struktur tatabahasa yang digunakan dan melakukan latihan penulisan, iaitu selepas menulis esei, pelajar perlu menyemak semula untuk mencari dan membetulkan kesilapan tatabahasa.

Pelajar perlu mempelajari cara untuk mengorganisasikan ayat dalam perenggan. Setiap isi yang hendak disampaikan haruslah ditulis dalam satu perenggan yang teratur dengan memastikan semua elemen yang berkaitan dengannya disusun dengan baik bagi menghasilkan penulisan yang berkesinambungan dan mudah difahami oleh pembaca. Misalnya, bagi setiap isi kandungan, pelajar sebaiknya menghuraikannya berserta dengan contoh.

Sumbang saran membantu menjana pelbagai idea manakala pemikiran kritikal membolehkan pelajar menilai dan menganalisis idea tersebut secara mendalam untuk menghasilkan hujah yang kukuh dan tersusun. Contohnya bagi esei yang bertemakan “Pendidikan”, pelajar boleh melakukan sumbang saran dengan hujah seperti “Mengintegrasikan teknologi dalam pembelajaran” dan “Menerapkan pembelajaran berasaskan projek”. Pemikiran kritikal pula adalah melalui analisis “Bagaimanakah teknologi boleh meningkatkan kecekapan pembelajaran?” Penilaian pula ialah “Apakah keburukan yang mungkin timbul, seperti ketidaksetaraan akses kepada teknologi?” Manakala hujah yang kukuh dan tersusun adalah “Melalui pengkajian terhadap keberkesanan teknologi, pelajar dapat membuat keputusan yang lebih baik tentang kaedah pembelajaran yang sesuai”.

Cara ini dapat membantu pelajar mencari bahan yang perlu ditambah ataupun ditolak daripada kandungan yang ditulis. Pelajar juga dapat memahami sesuatu topik dengan lebih mendalam dan seterusnya meningkatkan kualiti penulisan esei yang dihasilkan oleh mereka. Contohnya, terdapat perkara atau perkataan yang berulang dan perlu dibuang. Contoh lain adalah bagi esei yang berjudul “Sistem pendidikan di negara kita perlu ditambah baik”. Pelajar membaca pernyataan ini dan menilai struktur dan logik di sebaliknya. Hasilnya pelajar mungkin menambah contoh spesifik tentang masalah dalam sistem pendidikan, seperti kekurangan sumber dan menyusun semula ayat untuk menyampaikan hujah yang lebih jelas.

Penulisan yang kreatif mampu mengubah kandungan yang menjemukan menjadi bacaan yang menarik. Contoh bagi karya fiksi dengan kandungannya berbunyi “Seorang pahlawan pergi berperang”. Kandungan ini agak menjemukan. Oleh itu, penulisan yang kreatif bagi isi kandungan ini boleh diubah menjadi “Di tengah malam yang kelam, bayangan seorang pahlawan melangkah keluar dari hutan, hatinya bergetar dengan keberanian. Setiap langkahnya menuju medan perang ialah janji untuk melindungi tanah air, tetapi adakah dia bersedia menghadapi kegelapan yang menanti?”

Kini, tidak banyak pelajar yang berminat untuk menyertai peraduan penulisan esei yang dianjurkan sama ada melalui media cetak ataupun media sosial. Dalam hal ini, pelajar perlu digalakkan untuk menyertai peraduan penulisan esei kerana usaha tersebut dapat mengembangkan kemahiran penulisan mereka. Pelajar juga perlu didedahkan dengan suasana persaingan yang sihat untuk kecemerlangan mereka. Usaha tersebut secara tidak langsung dapat mengasah kemahiran pelajar menggunakan perkataan, suku kata dan frasa serta gaya penulisan agar menjadi lebih baik.

Sebagai contoh, pertandingan penulisan esei sejarah yang dijalankan pada setiap tahun untuk pelajar sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi diadakan untuk menarik minat pelajar dalam penulisan esei. Cara ini baik kerana pelajar dapat mengasah bakat penulisan mereka melalui penyertaan sama ada secara individu ataupun berkumpulan. Penulisan tentang sejarah memerlukan pelajar membuat pencarian maklumat daripada pelbagai sumber dan perkara ini dapat meningkatkan kemahiran penyelidikan mereka termasuklah kemampuan menganalisis dan menilai sumber maklumat.


Pada masa yang sama, proses penulisan esei boleh menstrukturkan pemikiran pelajar. Pemikiran, sensasi dan emosi sering muncul dengan pantas dan kadangkala perlahan-lahan, bergantung kepada diri individu. Akan tetapi, melalui penulisan, kita boleh mengolah setiap idea atau perasaan yang timbul, lalu menyusunnya dalam bentuk yang lebih tersusun dan logikal.

Kemahiran menulis dengan cara yang meyakinkan juga boleh mempengaruhi pemikiran orang lain. Melalui penulisan, seseorang dapat melihat idea dengan lebih jelas dan membentuk pandangan

yang lebih baik. Sekiranya pelajar memberikan pendapat sendiri tentang sudut pandang orang lain, mereka berpeluang meyakinkan orang lain tentang kerasionalan di sebalik keputusan tersebut. Dengan cara ini, pelajar dapat mempengaruhi pendapat orang lain terhadap cadangan yang dikemukakan.

Selain itu, menulis esei juga memberikan kelebihan kepada pelajar untuk memperoleh idea yang baharu. Idea baharu sebenarnya berada di mana-mana sahaja termasuklah melalui komunikasi kita dengan orang lain, menerusi rangkaian komputer, surat khabar, majalah, filem, muzik dan buku. Apabila pelajar menulis esei, minda mereka akan terbuka luas dan mereka tidak akan menghadapi kesukaran untuk mengembangkan idea tentang topik yang ingin dihuraikan dalam esei tersebut. Interaksi dengan pelbagai medium dan individu membolehkan pelajar memperoleh perspektif yang berbeza-beza, dan seterusnya merangsang pemikiran kreatif dan kritis mereka. Oleh itu, penting bagi pelajar untuk sentiasa bersikap terbuka dan proaktif dalam usaha mencari ilmu kerana hal yang demikian dapat membantu mereka mengatasi sebarang cabaran dalam penulisan.

Kesimpulannya, untuk menjadi seorang penulis yang mahir, pelajar perlu berfikir secara kritis, menggunakan tatabahasa yang betul dalam penulisan, kreatif, membuat penyelidikan dan membuat penyusunan dan pengorganisasian dalam penulisan. Melalui kemahiran penulisan esei, pelajar akan memperoleh faedah dengan dapat memperkukuh kemahiran komunikasi, melatih minda untuk berfikir secara kritis,

membangunkan keyakinan dan seterusnya dapat menambahkan peluang kerjaya mereka pada masa akan datang. 

Melalui penulisan, seseorang dapat melihat idea dengan lebih jelas dan membentuk pandangan yang lebih baik.

